



MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

NOTIS TENDER

Tender adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan pengkhususan yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti yang berikut:

NO TENDER TAJUK FAIL RUJUKAN	KELAYAKAN KONTRAKTOR/ SYARIKAT	TARIKH/HARGA/TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH & MASA TENDER DITUTUP
<u>NO TENDER</u> T0020/25 <u>FAIL RUJUKAN</u> MBS.JKJ.400-5/8/82 <u>TAJUK</u> KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH LONGKANG SERTA KERJA YANG BERKAITAN DI KAWASAN PASAR BORONG NILAI 3, NILAI, NSDK Tender Yang Lewat Tidak akan Diterima	(BUMIPUTERA) GRED G5 Kategori CE Pengkhususan CE21 dan Kategori CE Pengkhususan CE01 HANYA PENAMA DALAM SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SAHAJA DIBENARKAN UNTUK HADIR. WAKIL TIDAK DIBENARKAN.	<u>DARI TARIKH</u> 04 Dis 2025 (Khamis) <u>HINGGA</u> 24 Dis 2025 (Rabu) <u>HARGA DOKUMEN</u> RM 250.00 <u>TEMPAT</u> JABATAN KEWANGAN WISMA MBS, PERSIARAN FOREST HEIGHTS 1 JALAN SEREMBAN- TAMPIN 70450 SEREMBAN <u>WAKTU URUSAN</u> Isnin - Khamis 08:30 pagi - 12:30 tengahari 02:00 petang - 04:00 petang Jumaat 08:00 pagi - 12:00 tengahari	<u>TARIKH</u> 24 Dis 2025 (Rabu) <u>MASA</u> 12:00 TENGAHARI <u>Sesi Taklimat diwajibkan seperti berikut:</u> Tarikh : 04 Dis 2025 (Khamis) Masa : 09:00 Pagi Tempat : PASAR BORONG NILAI 3 JALAN NILAI 3/4, KAWASAN PERINDUSTRIAN NILAI 3, 71800 NILAI

- Sekiranya petender tidak berdaftar dengan Majlis Bandaraya Seremban dikehendaki berdaftar terlebih dahulu dengan kadar yang ditetapkan. Pembayaran bagi pembelian dokumen hendaklah dibuat dalam bentuk Tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan. Dokumen Tender hanya dijual kepada syarikat atau wakilnya yang sah sahaja yang menunjukkan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Asal berserta satu salinan sijil tersebut dan Surat Wakil (bagi bukan pemegang asal sijil).
- Sila lampirkan Penyata Ezp (Penyata Taksiran Zakat Perniagaan) dan salinan resit bayaran zakat perniagaan (jika dikenakan zakat perniagaan sahaja) yang telah disahkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Bagi sebarang pertanyaan berkenaan Penyata Ezp sila hubungi talian Zakat Perniagaan nombor telefon: 06-765 1402/ 06-785 1405 ext: Unit Zakat Perniagaan atau E-mel Penyata Kewangan Syarikat ke: zakatperniagaan@mains.gov.my
- Semua dokumen Tender mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dan ditulis tajuk dan nombor Tender berkenaan di penjuru kiri dan dialamatkan kepada Datuk Bandar, WISMA MBS, PERSIARAN FOREST HEIGHTS 1, JALAN SEREMBAN-TAMPIN, 70450 SEREMBAN dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di Wisma MBS.
- Majlis Bandaraya Seremban tidak terikat untuk menerima dokumen Tender yang terendah atau sebarang dokumen Tender. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen Tender yang tidak terdapat di dalam Peti Tender setelah Peti Tender dibuka.
- Majlis Bandaraya Seremban berhak untuk membatalkan Tender syarikat yang terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses Tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani.
- Tidak mempunyai sebarang tunggakan (Cukai Taksiran/ Kompaun/ Sewaan/ Semak Samun/ pelbagai tunggakan lain) dengan MBS. Sekiranya tunggakan ini dijelaskan sebelum atau dalam tempoh penjualan dokumen tender, kontraktor/ pembekal layak untuk menyertai Tender ini.
- Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan.

>> NOTIS TENDER JUGA BOLEH DILAYARI DI LAMAN WEB:

www.mbs.gov.my